

# Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Kenaikan Perawan Maria yang Suci

**HARAPAN: PERCAYA, HIDUP DAN MEMBERI**

TEMA BULANAN:

**MARIA, BONDA PENGHARAPAN**

## Hati yang Mengingini Tuhan

Rasul Yohanes mempunyai penglihatan tentang surga dan melihat Tabut Perjanjian yang merupakan pusat penyembahan bagi umat Israel. Dalam Kitab Keluaran, Tabut menyimpan manna ajaib dan juga Loh Sepuluh Hukum. Tabut itu menandakan kehadiran dan perlindungan Allah yang besar terhadap umat Israel di padang gurun dan di Tanah Perjanjian.



Selama beberapa abad awal, Bapa-Bapa Gereja melihat gambar Tabut Perjanjian sebagai gambaran seorang wanita, iaitu Bonda Terberkati. Bagi mereka, Maria adalah Tabut Perjanjian yang baru kerana dia memegang dalam rahimnya, manna baru, paderi besar yang kekal, dan Firman Tuhan, yakni Yesus Kristus. Maria telah ditakhtakan di surga sebagai Bonda Ratu kerajaan anaknya dan tidak pernah berhenti untuk mengantara bagi kita.

Paulus berbicara tentang kebangkitan Kristus dan harapan kita sendiri untuk kebangkitan masa depan. Dengan bangkit dari kematian, Kristus telah menaklukkan dosa dan kematian. Oleh kerana peranannya dalam tindakan penyelamatan anaknya, kenaikan Maria ke surga membantu kita memahami kebenaran tentang kebangkitan. Seperti Maria, kita juga akan bersama Kristus di akhir zaman.

Dari petikan dalam Injil Lukas, kita melihat seimbangnya hati Maria. Maria bangkit dan dengan pantas pergi untuk menemui sepupunya Elisabet. Perjalanan ke sana tidak mudah. Ini bermaksud Maria harus berjalan mendaki bukit dan mungkin ada banyak bahaya tersembunyi di sepanjang perjalanan. Tetapi Maria dipenuhi dan dipimpin oleh Roh Kudus. Ketika Elisabet mendengar sapaan Maria, anak di dalam rahimnya melompat. Melalui ketaatan dan pengabdian, **Maria menggenapi janji-janji Allah dengan menjadi alat Allah yang benar.**

Dalam 'Magnificat', dengan kerendahan hati, Maria memuliakan Allah, memujinya untuk berkat berlimpah yang Dia anugerahkan kepadanya. Maria adalah hamba Allah yang setia dan taat dan kerana 'ya' yang diberi kepadanya, kita juga diselamatkan melalui Anaknya. Hati Maria tidak mendambakan apa-apa selain untuk menyenangkan Allah. Bukankah hati kita juga ingin seperti Maria untuk mengasihi dan melayani Allah?

*Bonda Maria, bimbinglah aku ke hati Yesus. ✝*

PETIKAN TULISAN  
SUCI UNTUK  
DIHAFAL:

"Jiwaku  
memuliakan  
Tuhan ..."

(Lukas 1: 46)

AYAT SUCI  
MINGGU INI

Wahyu 11:19,  
12:1-6, 10;

Maz. 44:10 - 12,  
15-16;

1 Korintus 15:20-27;

Lukas 1:39-56.